

Jumlah pesakit meningkat

>>Oleh NORAINON OTHMAN
norainon@hmetro.com.my


PENYAKIT Buah Pinggang Kronik (CKD) dan Penyakit Buah Pinggang Tahap Akhir (ESRD) semakin meningkat di seluruh dunia. Peningkatan jumlah pesakit ESRD di Malaysia meletakkan beban yang amat besar ke atas sistem penjagaan kesihatan, sa-

ma ada penduduk, ekonomi atau sosial.

Mengikut laporan Pejabat Pendaftaran Renal Kebangsaan 2011, terdapat sejumlah 25,688 pesakit yang menjalani rawatan dialisis. Daripada jumlah itu, seramai 24,105 pesakit hemodialisis dengan 1,583 yang lain menjalani dialisis peritoneal (rawatan untuk pesakit dengan penyakit buah pinggang kro-

nik tahap teruk). Tahun lalu saja, terdapat 5,201 pesakit baru yang terpaksa menjalani rawatan dialisis untuk ESRD mereka.


Di Malaysia, kes baru pesakit dengan ESRD menjalani rawatan dialisis hampir dua kali ganda, daripada 88 setiap juta penduduk (pmp) pada 2001 kepada 170 pmp pada 2010. Kelaziman iaitu kes baru dan kes lama pesakit



RASMI... Liow dan Manalan memegang buku 'Renal Anaemia in CKD' selepas pelancaran.

dengan ESRD menjalani rawatan dialisis meningkat lebih sekali ganda, 325 bagi setiap juta penduduk (pmp) pada 2001 - 762 pmp pada 2010. Ia satu peratusan yang besar iaitu 56 peratus (%) daripada ESRD yang dilaporkan akibat diabetes.

Statistik Laporan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2011 menunjukkan 15.2% daripada



INISIATIF... buku 'Renal Anaemia in

orang dewasa berumur 18 mempunyai diabetes.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata situasi itu cukup membimbangkan kerana ini bermakna komplikasi diabetes seperti penyakit jantung, buah pinggang, mata dan jenis penyakit lain boleh menyerang pada usia muda sekali gus menyebabkan kos lebih tinggi di segi kehilangan produktiviti serta kos langsung kepada negara.

“Buah pinggang memainkan peranan utama dalam pengeluaran hormon erythropoietin yang merangsang pengeluaran sel darah merah dalam sum-sum tulang. Dalam Penyakit Buah Pinggang Kronik (CKD), pengeluaran erythropoietin berkurangan mengakibatkan anemia.

“Laporan ke-19 Pendaftaran Dialisis dan Pemindahan Organ Malaysia menunjukkan bilangan pesakit yang menerima rawatan bagi anemia CKD meningkat lebih tiga kali ganda antara 2002 hingga 2011. Oleh itu, renal anemia (anemia buah pinggang) adalah menjadi kebimbangan utama kita,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan pelancaran buku 'Renal Anaemia in CKD - Practice Points for GPs' oleh Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) di Petaling Jaya, baru-baru ini. Hadir sama, Presiden MMA, Dr S R Manalan.



CKD' untuk panduan dan amalan doktor terbitan MMA.

Anemia atau penyakit kekurangan darah menyebabkan pengangkutan oksigen dalam darah berkurangan, mengakibatkan keupayaan fizikal berkurangan dan keletihan. Masalah serius boleh berlaku jika anemia yang berpanjangan dan teruk tidak dirawat seperti disfungsi organ atau kerosakan termasuk penyakit kardiovaskular, gangguan rentak jantung, pembesaran ventrikel kiri.

Renal anaemia dikaitkan dengan komplikasi buruk seperti kegagalan jantung dan CKD yang semakin teruk. Pengesanan awal dan rawatan anemia buah pinggang boleh memperbaiki tahap kesihatan pesakit. Oleh itu, intervensi awal dan penyangkutan perlu bagi mengurangkan beban akibat penyakit ini.

“Bilangan ahli nefrologi (kajian, penyelidikan dan penjagaan penyakit buah pinggang) di Malaysia terhad. Terdapat seramai 40 ahli nefrologi dan 17 nefrologi pelatih. Oleh itu, majoriti pesakit perlu diuruskan doktor di pusat penjagaan kesihatan primer dan sekunder iaitu

termasuk pengamal perubatan umum, pakar perubatan keluarga, pegawai perubatan dan pakar perubatan am.

“Mereka perlu menyampaikan khidmat penjagaan yang berkualiti kepada pesakit dalam menangani komplikasi yang mungkin berlaku akibat CKD, termasuk anemia yang akan dikawal dengan baik sebelum pertemuan pertama pesakit dengan pakar nefrologi,” katanya.

Beliau berkata, pengurusan anemia yang betul akan membantu meningkatkan kualiti hidup pesakit, mengurangkan morbiditi dan mortaliti. Pengurusan penyakit yang lebih baik dan pendidikan pesakit di kalangan doktor pasti akan menjadi bantuan yang besar kepada Kementerian Kesihatan. Ini juga amat akan mengukuhkan ikatan yang kuat antara sektor kesihatan swasta dan awam.

“Inisiatif Persatuan Perubatan Malaysia dalam meningkatkan penjagaan pesakit dari perspektif penjagaan utama disambut baik oleh kementerian,” katanya.